

REFLECTIVE PIECE

# The dilemma of home-based learning and teaching (PdPR)

## *Dilema pembelajaran dan pengajaran di rumah (PdPR)*

Zainoriza Zainun<sup>1,2\*</sup> 

<sup>1</sup>Program Pendidikan Khas Integrasi, Sekolah Menengah Kebangsaan Khir Johari, Perak, Malaysia

<sup>2</sup>Fakulti Pembangunan Manusia, Universiti Pendidikan Sultan Idris, Perak, Malaysia

### ARTICLE HISTORY

Received 2 January 2023

Accepted 30 June 2023

Published 2 September 2023

### \*CORRESPONDING AUTHOR

Program Pendidikan Khas  
Integrasi, Sekolah Menengah  
Kebangsaan Khir Johari 35900  
Tanjong Malim, Perak, Malaysia

 [g-02172937@moe-dl.edu.my](mailto:g-02172937@moe-dl.edu.my)

### KEYWORDS

Home-based teaching and learning; parental involvement; self-reflexive; special needs pupils; teacher's dilemma

### KATA KUNCI

Dilema guru; murid berkeperluan khas; pelibatan ibu bapa; pengajaran dan pembelajaran di rumah; refleksi sendiri

### ABSTRACT

This article narrates my experience as a Special Education Teacher in Perak, Malaysia throughout the period of Home-based Teaching and Learning (PdPR). I faced dilemmas involving parents as facilitators and intermediaries in helping to assess their children's skills and tasks. I realised that good and continuous communication as well as maintaining positive relationships among pupils, parents, and teachers are very important in implementing meaningful PdPR. In addition, the preparation of a PdPR manual for parents is essential, and they need to be consulted about their roles and responsibilities when helping to complete their children's assignments at home. This experience can serve as a lesson for teachers implementing PdPR and when giving homework assignments to pupils in the future.

### ABSTRAK

Nukilan ini menceritakan pengalaman saya sebagai Guru Pendidikan Khas sepanjang tempoh pengajaran dan pembelajaran di rumah (PdPR) yang lalu. Saya menghadapi dilema semasa melibatkan ibu bapa sebagai fasilitator dan pemudah cara bagi membantu saya untuk membuat penilaian tugas kemahiran pembuatan roti anak mereka. Saya menyedari bahawa komunikasi yang baik dan berterusan serta menjaga hubungan sesama murid, ibu bapa, dan guru amat penting bagi menjayakan PdPR yang bermakna. Selain itu, penyediaan manual PdPR kepada ibu bapa juga amat mustahak serta mereka perlu dirunding tentang peranan dan

tanggungjawab untuk membantu menyempurnakan tugas anak-anak di rumah. Pengalaman ini boleh dijadikan sebagai pengajaran untuk guru bagi melaksanakan PdPR pada masa hadapan dan semasa memberikan tugas kerja rumah untuk murid.

## Pengenalan

“Berguru kepalang ajar  
Ibarat bunga kembang tak jadi...” (Awang, 1989, p. 42)

Cebisan puisi di atas merupakan sebahagian daripada karya Usman Awang yang bertajuk ‘Guru oh Guru’. Baris puisi ini bermaksud menuntut ilmu secara tidak bersungguh-sungguh tidak akan mendatangkan faedah atau manfaat. Penghayatan bait-bait puisi ini menggambarkan pentingnya mencari ilmu di tempat yang betul daripada seorang guru yang ‘benar-benar ingin mendidik’ yakni dapat menyampaikan ilmu, mengajar dan mendidik anak-anak murid. Maka itu, saya menyedari bahawa guru bukan sahaja mendidik ilmu mata pelajaran yang diajarkan bahkan perlu menerapkan nilai-nilai yang baik dan beretika dalam kehidupan murid.

Merengung kembali ketika pandemik COVID-19 yang melanda dunia pada penghujung tahun 2019, saya berasa bahawa tanggungjawab sebagai guru menjadi lebih mencabar. Kebanyakan guru berhadapan dengan dilema dalam pengajaran dan pembelajaran di rumah (PdPR) ketika Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) (Hilmi & Mohd Shafiai, 2022). Dilema ini bukan sahaja melibatkan murid, malahan hubungan antara guru, ibu bapa dan penjaga. Dalam konteks PdPR saya, dilema yang dihadapi melibatkan ibu bapa sebagai orang tengah dan perantara bagi tugas terhadap murid. Saya dengan sedaya upaya berusaha untuk menyelesaikan dilema tersebut bagi memastikan semua pihak memainkan peranan untuk menyumbang pendidikan yang bermakna semasa PKP (Fransson & Grannas, 2013).

## Pengalaman dan cabaran

Sebagai Guru Pendidikan Khas, saya berasa bahawa mengajarkan kemahiran vokasional spesifik pembuatan roti kepada murid bermasalah dalam pembelajaran merupakan satu tanggungjawab yang cukup berat. Meskipun baru setahun jagung dalam bidang pendidikan khas, saya sentiasa berusaha untuk menambah baik amalan profesional keguruan sendiri.

Tatkala dunia dilanda pandemik COVID-19, saya berasa kecewa dan hilang arah. Tambahan lagi, semasa PKP, saya dikekang untuk melihat raut wajah anak pendidikan khas. Hal ini membuatkan hati dan jiwa saya diruntun sedih. Persoalan demi persoalan terbit dalam fikiran saya tentang cara untuk membolehkan murid mempraktikkan kemahiran pembuatan roti di rumah. Apakah yang perlu saya lakukan? Bagaimanakah saya boleh menyediakan alat dan bahan pembuatan roti? Adakah ibu bapa mampu untuk menyediakannya?

Sepertimana guru kemahiran yang lain, apa-apa sekalipun yang terlintas di dalam fikiran, saya perlu kental untuk menghadapi cabaran (Lee *et al.*, 2021) yang mendatang. Oleh itu, semasa PKP, saya gigih menyediakan aktiviti pengajaran dan pembelajaran pembuatan roti di rumah yang berasaskan projek, iaitu ‘Baketivity’ kepada anak-anak murid. Baketivity merupakan intervensi saya yang mengandungi set alatan, perkakasan, bahan, video, buku aktiviti, buku resipi membuat muffin, roti, piza, dan donat di rumah.

Saya beranggapan bahawa melalui aktiviti projek Baketivity, murid dapat mempraktikkan pembuatan roti dan mengukuhkan pengetahuan mereka melalui kertas tugas pengukuhan di rumah. Mujurlah saya mempunyai rakan kritis sepanjang perjalanan berhadapan dengan PdPR ini. Rakan kritis telah membantu saya membuat tinjauan awal untuk memahami isu dan cabaran

yang dihadapi (Mat Noor & Shafee, 2021). Mereka merupakan kumpulan ahli akademik yang membantu memberikan idea dan komen untuk melaksanakan aktiviti sepanjang PdPR (Herr & Anderson, 2015). Saya turut melibatkan ibu bapa dalam pelaksanaan aktiviti PdPR Baketivity ini.

### Pelibatan ibu bapa

Untuk melaksanakan aktiviti PdPR, pelibatan ibu bapa sangat penting (Zaini *et al.*, 2021; Shukri & Yunus, 2021). Ibu bapa bertindak sebagai fasilitator dan penilai (Jariono *et al.*, 2021) kepada anak mereka semasa membuat aktiviti kemahiran di rumah. Terdapat lima orang ibu dan enam orang murid yang terlibat dalam pelaksanaan aktiviti PdPR yang dijalankan di kediaman masing-masing. Ibu bapa inilah yang selalu saya hubungi selain anak-anak murid dalam kumpulan WhatsApp yang telah diwujudkan pada awal PdPR.

Saya percaya bahawa dengan sentiasa bertanya khabar dan mengambil cakna dengan cabaran ibu bapa untuk memastikan anak-anak mereka kekal belajar. Hal ini merupakan suatu 'sentuhan' keprihatinan dan rasa tanggungjawab saya sebagaimana kajian oleh Garbe *et al.*, (2020) yang menyatakan bahawa pentingnya guru berkomunikasi dengan ibu bapa. Saya juga percaya bahawa membina hubungan yang baik dengan ibu bapa dapat memberikan semangat kepada mereka untuk membantu mereka membuat penilaian terhadap tugas murid di rumah. Hubungan yang baik ini penting bagi kejayaan pelaksanaan PdPR (Dollah & Tahar, 2022).

Daripada lima orang ibu yang membantu saya, terdapat seorang ibu yang menarik perhatian dan menjadi dilema buat saya semasa melaksanakan PdPR. Saya menjangkakan bahawa ibu bapa akan telus dalam menjadi 'orang tengah' dan penilai terhadap anak-anak mereka. Namun begitu, sangkaan saya agak meleset. Ada juga dalam kalangan ibu bapa yang membantu anak-anak menjawab kertas tugas yang diberikan. Situasi ini saya dapati semasa menyemak borang penilaian ibu bapa dan juga kertas tugas anak-anak mereka. Saya telah menghubungi seorang demi seorang ibu dan juga anak-anak mereka bagi mendapatkan maklum balas terhadap tugas yang perlu diselesaikan oleh murid (Williams & Williams,

2020). Apabila tiba giliran ibu Nasrul (nama samaran), pada awal perbualan melalui telefon, saya bertanya:

Guru: *Salam puan, apa khabar?*

Ibu Nasrul: *Baik, Alhamdulillah.*

Guru: *Puan, Nak tanya tugasan ni... Nasrul ke yang buat?*

Ibu Nasrul: *Ya, dia yang buat, cikgu.*

Guru: *Baik, dia yang kira ke tugasan kira kos?*

Ibu Nasrul: *Ya, cikgu.*

Guru: *Baik puan, terima kasih membantu.*

Saya berasa kurang yakin dengan jawapan yang diberikan oleh ibu Nasrul. Selama hampir tiga tahun mengenali Nasrul, saya sudah tahu bentuk tulisan dan sikap murid ini yang kurang berminat dengan tugas berbentuk penulisan. Dek waswas, saya menelefon Nasrul untuk mendapatkan kepastian. Tindakan saya ini selari dengan usaha untuk membuat pengesahan bagi maklumat yang diperoleh (Altricher *et al.*, 2005).

Guru: *Cikgu nak bertanya yang kamu kira tu siapa yang kirakan kos? Yang aktiviti kira bahan?*

Nasrul: *Kira macam mana?*

Guru: ...

Nasrul: *Yang tu saya tak buat. Mungkin mak saya yang buat. Pizza termasuklah donat.*

Perbualan dengan Nasrul dan ibunya membantu saya untuk membina triangulasi terhadap tugas yang diberikan. Temu bual dengan Nasrul dan ibunya secara berasingan membolehkan saya mengenal pasti sama ada informasi yang diberikan oleh kedua-dua belah pihak selari ataupun tidak. Hal ini bertepatan dengan pandangan Efron dan Ravid (2019), iaitu gabungan data yang diperoleh lebih daripada satu pihak dapat meningkatkan kebolehpercayaan sesuatu maklumat.

### Menangani cabaran

Ekoran perolehan maklumat yang tidak konsisten daripada Nasrul dan ibunya, saya mengambil keputusan untuk bertanya semula kepada ibu

Nasrul. Beliau menyatakan bahawa sukar untuk menyuruh anaknya membuat tugas berbentuk penulisan. Lebih memilukan lagi apabila beliau turut menyatakan bahawa anaknya bersikap malas serta tidak mahu menyiapkan tugas dan hanya mahu bermain telefon pintar. Apabila tempoh menghantar tugas tiba, beliau terpaksa meminta anaknya yang lain untuk membantu untuk menyiapkan tugas tersebut. Sikap malas belajar dan suka terhadap permainan digital merupakan faktor yang membawa kepada keciciran pendidikan murid (Mohammad *et al.*, 2023). Inilah cabaran yang perlu ditelan dan saya perlu berusaha dengan sebaik-baiknya untuk mengurangkan bias dalam penilaian tersebut. Cabaran ini juga menjadi dilema bagi saya dalam PdPR murid berkeperluan khas kategori masalah pembelajaran apabila memberikan tugas berbentuk kemahiran yang memerlukan bantuan dan sokongan ibu bapa. Saya perlu memberikan kefahaman kepada ibu bapa tentang ketelusan dan memberikan pengertian bahawa objektif utama bukanlah untuk memastikan anak-anak murid menyiapkan semua tugas dengan betulnya sehinggakan ibu bapa terpaksa melakukan tugas tersebut untuk mereka.

Menyiapkan tugas anak-anak tidak membantu perkembangan potensi dan pendidikan mereka (Paulu, 1996). Menjadi keutamaan saya agar anak-anak murid dapat melaksanakan aktiviti dengan usaha mereka berdikit-dikit sehingga berjaya dan berasa bertanggungjawab (Bodovski *et al.*, 2022) dalam setiap tugas yang diberikan tanpa perlu pemantauan ibu bapa. Oleh itu, saya perlu bijak untuk membuat tindakan bagi mengatasi ketidakpastian situasi semasa pelaksanaan PdPR (Zainun *et al.*, 2021).

Oleh itu, untuk memastikan hal ini tidak berulang-ulang, saya telah memberitahu ibu Nasrul bahawa tidak menjadi masalah jika Nasrul tidak dapat menjawab beberapa soalan dalam kertas tugas tersebut. Saya akan menelefon Nasrul untuk membimbingnya membuat kira-kira atau ke rumahnya untuk membuat bimbingan tersebut serta dalam masa yang sama, menjaga prosedur standard operasi PKP. Dalam hal ini, saya mengerti bahawa komunikasi dan membina hubungan yang erat antara guru dengan murid sangat penting. Dalam masa yang sama, saya perlu membuat

penjelasan serta memberikan manual arahan peraturan dan tatacara ibu bapa untuk bertindak sebagai fasilitator serta penilai bagi anak mereka pada masa akan datang.

## Refleksi dan kesimpulan

Nukilan ini bukan untuk menentengahkan kelemahan individu tetapi sebagai refleksi terhadap pengalaman dan cabaran saya menangani dilema PdPR. Melalui refleksi, saya dapat menilai tindakan semasa menangani dilema PdPR seterusnya menjadi panduan untuk pengajaran dan pembelajaran yang bermakna di sekolah. Untuk menangani dilema ini, saya mendapat bimbingan daripada kumpulan rakan kritis yang sentiasa menyeimbangkan setiap tindakan (Zainun & Mat Noor, 2022) dalam PdPR. Berdasarkan hal tersebut, terdapat tiga perkara penting yang saya pelajari untuk menangani dilema ini.

Pertama, pentingnya membina komunikasi yang baik dengan murid-murid dan ibu bapa. Komunikasi dua hala yang baik membolehkan murid-murid dan ibu bapa benar-benar memahami peri pentingnya mereka faham tentang konsep dan tujuan pengajaran yang hendak disampaikan (Foti, 2020). Oleh itu, saya akan berbincang dan mencapai kata sepakat dengan ibu bapa berkaitan dengan peranan mereka sebagai fasilitator dalam usaha membantu dan menyokong pembelajaran murid di rumah. Meskipun pascapandemik telah berakhir, senario PdPR menyedarkan saya tentang hubungan komunikasi antara ibu bapa, guru dan murid sepanjang berkomunikasi sama ada melalui telefon mahupun bimbingan di rumah boleh menjadi nadi dalam pengajaran dan pembelajaran yang bermakna di sekolah. PdPR telah mengeratkan hubungan dan membina kepercayaan antara ibu bapa, guru dan murid.

Kedua, saya perlu bijak menangani situasi berdasarkan senario yang berlaku secara mengejut (Lyons, 1990; Clandinin, 2016) seperti situasi melibatkan akauntabiliti ibu bapa dalam membimbing tugas anak-anak mereka. Pada masa akan datang, saya boleh menyediakan panduan ringkas bersama-sama sebagai rujukan berkaitan dengan peranan ibu bapa sebagai

pemudah cara. Panduan awal ini dapat memberikan penjelasan jelas tentang perkara yang boleh dan tidak boleh dilakukan oleh mereka sepanjang membantu saya untuk membimbing anak-anak di rumah menyiapkan tugas.

Ketiga, saya juga perlu mendengar dan memahami dengan empati tentang pandangan dan idea daripada ibu bapa (McKenna & Millen, 2013) yang membantu saya memudah cara pengajaran di rumah. Perkara ini sangat penting bagi membolehkan saya menyusun dan mengubah suai strategi pengajaran secara sistematik, bersesuaian dengan keadaan murid dan ibu bapa di rumah. Oleh itu, saya dapat mempraktikkan kaedah ini di sekolah walaupun PdPR tiada kelak. Hal ini dikatakan demikian kerana saya menyedari bahawa pendidikan yang sebenar bermula dari rumah dan kesinambungan pengajaran di sekolah dapat dipraktikkan juga di luar waktu persekolahan melalui tugas atau projek-projek yang bermakna.

## Penghargaan

Ucapan terima kasih buat ibu kepada murid saya yang memberikan kerjasama sepanjang sesi pengajaran PdPR dan membenarkan nukilan ini diterbitkan dalam menyokong tindakan saya sebagai seorang guru pendidikan khas. Saya turut ingin mengucapkan jutaan terima kasih kepada rakan kritis iaitu Dr Mohd Syafiq Aiman Mat Noor dan juga Cikgu Julianah Ahmad yang membantu dalam mencetus idea dan menjadikan saya kritis dalam merefleksi sendiri sebagai seorang guru.

## ORCID

Zainoriza Zainun   
<https://orcid.org/0000-0002-1866-2673>

## Rujukan

- Altricher, H., Feldman, A., Posch, P., & Somekh, B. (2005). *Teachers Investigate Their Work: An Introduction to Action Research Across the Professions*. Routledge.
- Awang, U. (1989). *Guru Oh Guru*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Bodovski, K., Munoz, I. G., & Apostolescu, R. (2022). Parental help with homework in elementary school: Much ado about nothing?. *Journal of Research in Childhood Education*, 1-17. <https://doi.org/10.1080/02568543.2022.2027830>
- Clandinin, D. J. (2016). *Engaging in Narrative Inquiry*. Routledge. <https://doi.org/10.4324/9781315429618>
- Dollah, A. N., & Tahar, M. M. (2022). Pelibatan ibu bapa dalam PdPR Di Rumah Murid Berkeperluan Khas pembelajaran [Parental involvement in remote learning for students with Special Learning Needs]. *Jurnal Dunia Pendidikan*, 4(1), 305-317.
- Efron, S. E., & Ravid, R. (2019). *Action Research in Education: A Practical Guide*. Guilford Publications.
- Foti, P. (2020). Research in distance learning in Greek kindergarten schools during the pandemic of COVID-19: Possibilities, dilemmas, limitations. *European Journal of Open Education and E-learning Studies*, 5(1).
- Fransson, G., & Grannäs, J. (2013). Dilemmatic spaces in educational contexts—towards a conceptual framework for dilemmas in teachers' work. *Teachers and Teaching*, 19(1), 4-17.
- Garbe, A., Ogurlu, U., Logan, N., & Cook, P. (2020). COVID-19 and remote learning: Experiences of parents with children during the pandemic. *American Journal of Qualitative Research*, 4(3), 45-65. <https://doi.org/10.29333/ajqr/8471>
- Herr, K., & Anderson, G. L. (2015). *The Action Research Dissertation: A Guide for Students and Faculty* (2nd ed.). Sage Publications Ltd.
- Hilmi, M. H., & Mohd Shafiai, M. H. (2022). Cabaran Pengajaran dan Pembelajaran di Rumah (PdPR) dalam keberkesanan penyampaian pendidikan dalam pembentukan modal insan [Challenges of Teaching and Learning at Home (PdPR) for the effectiveness

- of educational delivery in the human capital development]. *Jurnal Dunia Pendidikan*, 4(2), 231-239.  
<https://doi.org/10.55057/jdpd.2022.4.2.21>
12. Jariono, G., Sudarmanto, E., Kurniawan, A. T., & Nugroho, H. (2021). Strategies to teach children with special needs amid COVID-19 pandemic. *Linguistics and Culture Review*, 5(S1), 633-641.
  13. Lee, Y. K., Zaid, N. M., Wahid, N. H. A., Ashari, Z. M., Suhairon, N., & Said, M. N. H. M. (2021). Challenges in emergency remote teaching among Malaysian public elementary school teachers. *International Journal of Emerging Technologies in Learning*, 16(24).  
<https://doi.org/10.1080/10409289.2021.1950451>
  14. Lyons, N. (1990). Dilemmas of knowing: Ethical and epistemological dimensions of teachers' work and development. *Harvard Educational Review*, 60(2), 159-181.
  15. Mat Noor, M. S. A., & Shafee, A. (2021). The role of critical friends in action research: A framework for design and implementation. *Practitioner Research*, 3, 1-33.  
<https://doi.org/10.32890/pr2021.3.1>
  16. McKenna, M. K., & Millen, J. (2013). Look! Listen! Learn! Parent narratives and grounded theory models of parent voice, presence, and engagement in K-12 education. *School Community Journal*, 23(1), 9-48.
  17. Mohammad, H., Shaid, N. A. N., & Othman, N. A. (2023). Kelunturan minat membaca bahan bacaan berbentuk fizikal dalam kalangan murid tahap 2 sekolah kebangsaan luar bandar [Decline of interest in reading physically formed reading materials among rural national school level 2 students]. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu*, 13(1), 50-63.
  18. Paulu, N. (1996). *Helping Your Child with Homework: For Parents of Elementary & Junior High School-aged Children*. DIANE Publishing.
  19. Shukri, S. H. D. B. M., & Yunus, M. M. (2021). Kesan pandemik covid-19 terhadap pencapaian tahap akademik murid [Implications of covid-19 pandemic on students' academic performance]. *Jurnal Melayu Sedunia*, 4(1), 313-343.
  20. Williams, H., & Williams, K. (2020). Parental contributions and assessment for learning as a component of mathematics homework. *Education 3-13*, 50(2), 211-224.  
<https://doi.org/10.1080/03004279.2020.1842480>
  21. Zaini, Z. H., Damanhuri, Z., Ali, M. A. Z., & Ibrahim, A. Z. (2021). Kesediaan ibu bapa terhadap pelibatan dalam Pengajaran dan Pembelajaran di Rumah (PdPR) [Parents preparedness for involvement in teaching and learning at home]. *Jurnal Kesidang*, 6(1), 80-95.
  22. Zainun, Z., Mat Noor, M. S. A., Ahmad, S., & Razalli, A. R. (2021). Meningkatkan kebolehpasaran murid-murid orang asli semai melalui projek jualan bakeri semasa perintah kawalan pergerakan (PKP) pandemik COVID-19 [Improving the Employability of Semai Indigenous Pupils through a Bakery Sales Project during the Movement Control Order (MCO) of COVID-19 Pandemic]. *Online Journal for TVET Practitioners*, 6(2), 50-67.  
<https://doi.org/10.30880/ojtp.2021.06.02.007>
  23. Zainun, Z., & Mat Noor, M. S. A. (2022). The implementation of a bakery sales project during the COVID-19 pandemic to improve the employability of Semai indigenous students. *IJAR-International Journal of Action Research*, 17(3), 244-267.  
<https://doi.org/10.3224/ijar.v17i3.04>